

#GoodFoodGoodLife

Laporan Korporat 2014



Good Food, Good Life

# Menyentuh Kehidupan



# Isi Kandungan

002	.....	Prestasi Sepintas Lalu
008	.....	Mesej kepada Para Pemegang Saham
018	.....	Ulasan Perniagaan
032	.....	Menjana Nilai Bersama dan Memenuhi Komitmen Kami
034	.....	Maklumat Korporat
036	.....	Direktori Korporat
042	.....	Lembaga Pengarah
044	.....	Profil Para Pengarah dan Setiausaha Syarikat
052	.....	Kumpulan Pengurusan
054	.....	Profil Kumpulan Pengurusan
056	.....	Notis Mesyuarat Agung Tahunan
059	.....	Borang Proksi





**Nestlé**

Good Food, Good Life


## Visi & Misi

**Menjana khasiat rakyat  
Malaysia untuk generasi  
akan datang.**




# PRESTASI SEPINTAS LALU

- Perolehan tahunan sebanyak RM4.8 bilion menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4% berbanding tahun 2013
- Kemerosotan margin bagi keuntungan operasi dan keuntungan bersih disebabkan situasi pasaran yang mencabar berdasarkan sokongan pemasaran yang kukuh bagi jenama-jenama kami demi pelaburan masa hadapan.
- Dividen yang dicadangkan dan diisytiharkan bernilai RM2.35 sesaham, konsisten dengan tahun sebelumnya.
- Aliran tunai operasi meningkat dari RM664 juta kepada RM857 juta.





## Pelaburan kukuh dalam aktiviti pemasaran dan promosi meningkatkan pertumbuhan jualan domestik serta meluaskan lagi bahagian pasaran.



Mulai 1 Januari 2012, elaun dan diskaun tertentu dinyatakan sebagai pemotongan jualan selaras dengan polisi Kumpulan Nestlé S. A. dan amalan yang umumnya digunakan oleh syarikat-syarikat barangan pengguna.

Bagi tujuan perbandingan, hanya nilai 2011 diselaraskan untuk menunjukkan definisi perolehan baru.



Pertumbuhan: **+4.1%** ↑ Domestik      **-11.6%** ↓ Eksport

# Nikmati

Di Nestlé, kami percaya bahawa makanan yang baik merupakan asas kepada kehidupan yang baik; kepercayaan ini mendorong kami sentiasa menggembirakan warga Malaysia dengan pilihan produk makanan baru, lazat, seimbang, dan senang dimasak, bagaikan disediakan di rumah.





## **#GoodFoodGoodLife**

Tiada yang lebih bermakna daripada berkongsi semangkuk Mi MAGGI dengan orang yang tersayang.







# MESEJ KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

Pengarah  
Urusan

Alois Hofbauer



**Bagi pihak Lembaga Pengarah,  
kami dengan sukacitanya  
membentangkan Laporan Tahunan  
Nestlé (Malaysia) Berhad bagi  
tahun kewangan berakhir  
31 Disember 2014.**



## Pengerusi

Tan Sri Dato' Seri  
Syed Anwar Jamalullail

*Terima Kasih*  
kepada warga Nestlé atas usaha  
merealisasikan komitmen kami

### ULASAN PRESTASI

Tahun 2014 boleh disifatkan sebagai tahun yang mencabar bagi Syarikat, dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran dan dalaman. Tahun tersebut bermula dengan langkah yang amat positif dengan momentum yang kukuh daripada tahun sebelumnya yang berlanjutan hingga ke separuh tahun pertama dan seterusnya ke tahap tertentu ke suku ketiga tahun ini. Sepanjang tempoh ini, kebanyakan petunjuk ekonomi menunjukkan tren yang menggalakkan walaupun terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh negara, termasuk dua tragedi pesawat penerbangan, perbelanjaan pengguna yang lebih perlahan dan kebimbangan terhadap pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada tahun 2015.

**Promosi Nestlé  
‘Lebih Baik,  
Lebih Nilai’, berjaya  
mewujudkan kesedaran  
di kalangan 2.2 juta  
rakyat Malaysia tentang  
kepentingan gaya hidup  
sihat.**

Walau bagaimanapun, momentum ini mula menunjukkan penurunan pada suku ketiga dan menjadi lebih ketara pada suku keempat. Antara punca luaran yang mendorong penurunan ini adalah perkembangan harga minyak mentah yang turun ke tahap yang begitu rendah berbanding julat dagangan biasa. Sebagai pengeksport tenaga bersih, penurunan ini memberi kesan kepada bajet fiskal negara dan telah mendorong kepada kejatuhan nilai Ringgit yang ketara dan seterusnya mula memberi kesan kepada kami dengan kos import yang lebih tinggi.

Meskipun berhadapan dengan situasi tersebut, Kumpulan telah menunjukkan prestasi yang baik dalam perniagaan domestik dan prestasi keseluruhan yang sederhana hasil daripada pengurangan eksport bagi syarikat-syarikat bersekutu. Persekitaran ekonomi global yang mencabar serta kelembapan permintaan bagi beberapa kategori eksport memberi kesan ketara kepada perolehan eksport. Keadaan ini kian mencabar apabila negara Indonesia dan Filipina telah melabur dalam kemudahan pengilangan tempatan masing-masing untuk produk-produk yang sebelum ini diimport daripada Malaysia.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, jumlah perolehan sebanyak RM4.8 bilion mewakili peningkatan sebanyak 0.4% berbanding pada tahun sebelumnya.

Jumlah dividen bersih

**235** sen

sesaham adalah konsisten dengan tahun sebelumnya, mewakili 100.1% daripada keuntungan bersih.

Di peringkat domestik, Kumpulan berkembang sebanyak 4.1% dan memantapkan aktiviti pemasaran dan promosi untuk menjana pertumbuhan produknya, khususnya pada separuh tahun pertama ini dengan mencatatkan pertumbuhan cemerlang dalam kategori tertentu. Unit Perniagaan Konfeksi terus mencatatkan pertumbuhan dua digit yang teguh pada tahun 2014, dengan KIT KAT memperoleh kedudukan nombor satu buat kali pertama dalam kategori coklat. Unit Perniagaan Kuliner telah meningkatkan perkongsian pasaran dengan ketara melalui sokongan yang fokus dan konsisten bagi perniagaan terasnya iaitu Mi dan Perencah.

Aktiviti utama sepanjang tahun termasuk Promosi Nestlé ‘Lebih Baik, Lebih Nilai’, yang berjaya mewujudkan kesedaran yang mantap di kalangan 2.2 juta rakyat Malaysia tentang kepentingan gaya hidup sihat; dan Hari Sarapan Malaysia MILO yang diadakan di Dataran Putrajaya pada bulan April yang telah mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat Malaysia. Aktiviti promosi Piala Dunia dan Ramadhan turut melonjakkan jualan dan mengukuhkan kedudukan perkongsian pasaran Kumpulan dalam beberapa kategori.

Kedudukan Kumpulan sebagai peneraju pasaran keseluruhan telah mendapat lonjakan baru dengan pelancaran NESTLÉ

## Kesejahteraan para pengguna kami adalah fokus utama bagi Nestlé dalam usaha kami untuk menjana khasiat rakyat Malaysia dan diiktiraf sebagai peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan.

Aiskrim Goreng, rangkaian mi premium MAGGI – *Royale Penang Seafood Curry* dan *Korean Spicy Braised Beef*, serta NESTLÉ KIT KAT RUBIES yang kesemuanya mendapat sambutan yang baik daripada para pengguna di Malaysia.

Dari segi kos input, harga komoditi berada pada aliran bercampur-campur pada tahun 2014 dan berkurangan pada suku ketiga. Walau bagaimanapun, pengurangan ini dikekang oleh kejatuhan nilai Ringgit, terutamanya pada suku keempat tahun ini.

Bagi mengurang dan mengekalkan kos produk pada tahap yang kompetitif, Kumpulan terus memanfaatkan *platform Nestlé Continuous Excellence*, yang memberi tumpuan terhadap inisiatif penjimatan dalaman. Langkah ini membantu mengimbangi kos input yang lebih tinggi di mana keuntungan kasar kekal pada tahap yang sama dari tahun lepas.

Tambahan pula, jumlah pelaburan Kumpulan dalam aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi adalah lebih tinggi berbanding jumlah yang dilaburkan dalam tahun kewangan sebelumnya. Oleh demikian, keuntungan operasi menunjukkan penurunan sebanyak 1.3%, manakala keuntungan bersih sebanyak RM550.4 juta, iaitu penurunan sebanyak 2.0% dari tahun lepas.

### TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus yang baik membantu kami mewujudkan dan mengekalkan kepercayaan dengan pihak berkepentingan kami, dan *Laporan Korporat* kami menggariskan tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam memastikan tadbir urus yang baik selaras dengan Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat, serta membentuk amalan terbaik dalam Kumpulan Nestlé.

Kami juga berusaha untuk mengamalkan ketelusan dalam apa yang kami lakukan, termasuk aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tanggungjawab sosial, yang kami namakan sebagai Menjana Nilai Bersama (CSV). Laporan CSV kami telah disahkan secara luaran selama tiga tahun yang lalu; dan Laporan Nestlé dalam Masyarakat: Menjana Nilai Bersama 2014 juga telah disahkan secara luaran pada tahap A+ GRI, lantas mencerminkan ketepatan dan komprehensifnya proses laporan kami.

### MENJANA NILAI BERSAMA (CSV)

Kesejahteraan para pengguna kami adalah fokus utama bagi Nestlé dalam usaha kami untuk menjana khasiat rakyat Malaysia dan diiktiraf sebagai peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan.

CSV merupakan sebahagian penting daripada cara Nestlé menjalankan perniagaan dan digambarkan dalam tiga bidang yang menjadi teras kepada strategi perniagaan kami dan penting bagi kebajikan rakyat dan masyarakat – Pemakanan, Air & Alam Sekitar dan Pembangunan Luar Bandar yang juga merupakan sebahagian daripada komitmen kemampanan dalam usaha kami untuk membina dan melindunginya demi generasi masa hadapan.

Pada tahun 2014, kami meneruskan usaha untuk menggalakkan pemakanan sihat dan gaya hidup yang aktif melalui Program *Nestlé Healthy Kids* kami, yang kini telah memasuki fasa kedua pelaksanaannya, yang melibatkan 77 buah sekolah berasrama harian di Sabah dan Sarawak yang memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 4,500 orang murid. Komitmen kami terhadap alam sekitar menyaksikan satu lagi pencapaian dalam aspek meminimumkan sisa pepejal, dengan lima daripada enam buah kilang Nestlé Malaysia berjaya mencapai 'Status Tapak Pelupusan Sifar', dengan semua bahan sisa pepejal 100% dikitar semula. Sementara itu, dalam bidang Pembangunan Luar Bandar, kami terus berusaha mewujudkan pelbagai peluang pendapatan baru bagi masyarakat berpendapatan rendah melalui beberapa inisiatif termasuk skim Perladangan Kontrak kami di Kelantan, Sarawak dan Kedah.

Selain daripada inisiatif ini, Nestlé Malaysia turut menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir paling buruk yang melanda negara ini, khususnya di negeri Johor, Kelantan, Pahang, Perak dan Terengganu. Usaha bantuan ini dilaksanakan melalui beberapa saluran termasuk menyajikan lebih daripada 100,000 hidangan MAGGI, MILO dan NESCAFÉ yang telah disediakan dan diedarkan di pusat-pusat pemindahan banjir serta melancarkan kutipan derma di kalangan warga kerja Nestlé.

Butiran lanjut tentang aktiviti-aktiviti CSV boleh didapati dalam Laporan Nestlé dalam Masyarakat 2014 yang dilampirkan.

## ANUGERAH DAN PENGHARGAAN

Komitmen kami bagi Menjana Nilai Bersama diprakui dan diiktiraf oleh industri dan rakan sejawat kami dengan penganugerahan pelbagai pengiktirafan dan anugerah di sepanjang tahun.

Kami berbangga dengan pencapaian kami yang telah menerima Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Produk Pengguna dan Anugerah Emas bagi Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (CSR) di Anugerah Laporan Korporat Kebangsaan (NACRA) 2014. Anugerah ini membuktikan ketelusan dan ketepatan standard laporan kami, bagi Laporan Korporat dan Laporan Nestlé dalam Masyarakat: Laporan Menjana Nilai Bersama 2013.

Di samping itu, Nestlé Malaysia telah dipilih sebagai salah satu daripada 3 pemenang bagi kategori *Top CSR Advocates in Asia* 2014 di *Asia Corporate Excellence & Sustainability Awards (ACES)* 2014, sebagai pengiktirafan atas sumbangan kami terhadap masyarakat di mana kami beroperasi.

Pencapaian penting yang lain termasuk Anugerah Kecemerlangan Halal 2014 bagi sumbangan kepada pembangunan industri Halal di Malaysia secara keseluruhan; dan telah dianugerahkan Majikan Siswa Paling Popular untuk kategori FMCG/Runcit di Anugerah 100 Majikan Terkemuka Malaysia 2014.

## DIVIDEN

Seiring dengan komitmen Kumpulan untuk mempertingkatkan nilai pemegang saham, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir sebanyak RM1.75 setiap saham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Termasuk interim, jumlah dividen sesaham bagi tahun ini adalah sebanyak RM2.35.

## PROSPEK UNTUK TAHUN 2015

Kami menjangka tahun 2015 akan menjadi tahun yang mencabar memandangkan ketidaktentuan harga minyak mentah, nilai Ringgit berbanding Dolar Amerika Syarikat dan kesannya terhadap ekonomi domestik. Pelaksanaan GST pada bulan April 2015 akan mempengaruhi amalan pembelian para pengguna dan kita boleh menjangka tempoh pelarasan dalam permintaan pasaran. Berdasarkan situasi ini, kami kekal optimis dan akan terus memanfaatkan pertumbuhan stabil ekonomi Malaysia. Kumpulan akan terus aktif dalam inovasi dan pengubahsuaian portfolio produk serta menggalakkan pemakanan diet seimbang dan gaya hidup yang sihat yang sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang sihat dan produktif.

Kami akan terus melabur di Malaysia demi pertumbuhan jangka panjang. Kami telah bertapak di negara ini sejak lebih 100 tahun dan ia sentiasa menjadi strategi yang telah menyokong kejayaan kita. Pelaburan utama terkini adalah Kilang Sri Muda yang baru di Shah Alam yang akan memulakan operasi pada suku pertama tahun 2015. Pembukaan kompleks kilang baru ini akan memberikan kami peluang yang lebih besar dalam sektor minuman cecair yang pesat berkembang. Ini merupakan petanda baik kepada Kumpulan, dan kami sesungguhnya akan memanfaatkan perkembangan ini untuk pasaran tempatan dan eksport.

## PENGHARGAAN

Bagi tahun di bawah tinjauan, terdapat perubahan dalam Lembaga Pengarah. Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Marc Seiler, yang meninggalkan Nestlé Malaysia pada bulan September untuk menyandang jawatan baru sebagai Ketua Kewangan dan Kawalan di Nestlé United Kingdom. Marc telah menyertai Nestlé Malaysia pada tahun 2008, dan sebagai Pengarah Eksekutif, Kewangan

dan Kawalan, beliau telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan kami sepanjang tempoh tujuh tahun yang lalu.

Pengganti Marc adalah Martin Peter Krügel, yang telah menyertai kami dari Nestlé Nigeria. Kerjaya beliau bersama Nestlé bermula pada tahun 1995 dengan Nestlé Jerman di mana beliau memegang pelbagai jawatan dalam bidang Rantaian Bekalan, Kewangan, Perakaunan dan Kawalan. Beliau kemudiannya telah dipindahkan ke Nordics pada tahun 2006 di mana beliau menyandang jawatan sebagai Pengurus Kewangan bagi Cereal Partners. Seterusnya beliau ditugaskan ke Nestlé Nigeria sebagai Ketua Kewangan dan Kawalan pada tahun 2008, jawatan yang dipegangnya sehingga akhir September 2014. Lembaga Pengarah ingin mengucapkan selamat datang kepada Martin dan yakin bahawa beliau akan menyumbang kepada pertumbuhan berterusan dan menguntungkan Kumpulan pada tahun-tahun yang akan datang.

Akhir kata, Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan dan semua warga kerja atas dedikasi dan komitmen mereka, serta memainkan peranan yang penting dalam memacu Syarikat sebagai peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terkemuka di negara ini. Kami juga berterima kasih kepada rakan-rakan niaga, para pengedar dan pelanggan atas sokongan berterusan dan kesetiaan kepada Syarikat dan jenama kami.


Terima Kasih.

## Pengerusi



**Tan Sri Dato' Seri  
Syed Anwar Jamalullail**

## Pengarah Urusan



**Alois Hofbauer**

# Cergaskan Diri

Selaku syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan terunggul di Malaysia, Nestlé berjanji untuk terus meningkatkan kualiti hidup para pengguna dengan meningkatkan kualiti produk-produk kami yang sedia ada untuk bila-bila masa sahaja.





NEW!

Nestlé

**Fitnessse**  
CHOCOLATE

DIETARY FIBER  
7g per 30g

FOLIC ACID  
40µg per 30g  
without milk

Chocolate Flavour Coated Flakes with  
Crispy Whole-Wheat Flakes Breakfast Cereal  
NET WEIGHT 430g

Fitnessse  
CHOCOLATE

NET WEIGHT 430g



## **#GoodFoodGoodLife**

Diperbuat daripada pelbagai bijirin, diperkaya dengan 10 jenis vitamin, mineral dan serat, bijirin sarapan NESTLÉ FITNESSSE sesuai untuk memulakan hari anda.



# ULASAN PERNIAGAAN

**Aktiviti utama adalah Promosi Nestlé ‘Lebih Baik, Lebih Nilai’ yang diadakan pada bulan Mac – kempen penting yang dijalankan atas dasar Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami.**

Kumpulan mencatatkan pertumbuhan sederhana bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, dengan perolehan sebanyak RM4.8 bilion. Ini mewakili peningkatan sebanyak 0.4% berbanding tahun kewangan sebelumnya. Manakala perniagaan telah menunjukkan perkembangan yang baik, prestasi keseluruhan yang sederhana adalah disebabkan oleh prestasi lemah perniagaan Eksport untuk syarikat-syarikat bersekutu.

Pertumbuhan perolehan terutamanya didorong oleh perniagaan domestik. Walaupun sentimen pengguna kurang memberangsangkan di sepanjang tahun 2014, pelaburan dalam aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan secara berterusan telah memberikan kami perkongsian pasaran yang teguh dalam semua kategori produk utama, khususnya dalam perniagaan Konfeksi, Ais Krim dan Minuman Cecair. Aktiviti utama adalah Promosi Nestlé ‘Lebih Baik, Lebih Nilai’ yang diadakan pada bulan Mac – kempen penting yang dijalankan atas dasar Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Pelaksanaan kempen ini turut disokong oleh Pasukan Jualan yang telah menjalankan lebih 23,000 paparan dalam gedung perniagaan merentasi pelbagai saluran di seluruh negara.

Pada bulan September, Nestlé telah menjalankan satu lagi kempen korporat utama, Promosi ‘Lebih Nilai, Lebih Funtastik’, yang menawarkan pek nilai kepada para pengguna dan juga peluang memenangi pakej percutian. Ia disokong oleh kempen pemasaran komprehensif yang memaparkan pelbagai jenama dan aktiviti pensampelan di gedung perniagaan serta pengiklanan menerusi arus media perdana dan digital. Kedua-dua promosi ini telah berjaya meningkatkan jualan dan perkongsian pasaran kami.

Pada peringkat operasi, Automasi Pasukan Jualan (SFA) melangkah ke tahap baru, di mana pasukan Jualan kami telah dilengkapi dengan PC tablet baru, yang menawarkan fungsi lebih baik dan lebih pantas serta kemampuan untuk memantau piawaian pelaksanaan barangan.



*Pasukan jualan kami dilengkapi dengan peranti pemantauan stok digital di rak yang membolehkan mereka ‘Win In Every Store’.*

Tahun 2014 juga menyaksikan usaha untuk meningkatkan bilangan rangkaian 'Perfect Store' di seluruh negara, dengan lebih banyak rangkaian diubahsuai dan ruang dalaman mereka dioptimumkan untuk memanfaatkan pergerakan dan pola pembeli serta meningkatkan pengalaman beli-belah pengguna berdasarkan pemahaman pembeli yang jitu.

Prestasi kukuh tahun ini juga disebabkan oleh pengaplikasian berterusan *Nestlé Continuous Excellence* (NCE), yang telah menghasilkan penjimatan kos dan penambahbaikan operasi dalam produktiviti. Secara kolektif, kilang-kilang Nestlé telah meningkatkan produktiviti mereka dengan ketara dan mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 7.6% bagi setiap tan produk, daripada 3.82 GJ setiap tan dalam tahun 2013 kepada 3.53 GJ setiap tan pada tahun 2014, mengatasi sasaran tahunan sebanyak 4%.

Jumlah kesan karbon telah dikurangkan melalui inisiatif seperti kempen kitar semula bagi bahan-bahan pembungkusan, percubaan pasaran untuk penyejuk beku gas asli, dan memulakan perjalanan ke arah mencapai matlamat sisa sifar. Usaha berterusan untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) dalam Rantian Bekalan juga telah berjaya mengurangkan impak alam sekitar, serta mengurangkan perbelanjaan pengedaran sekilogram penghantaran.

Selain daripada faktor alam sekitar, kemampuan Syarikat juga banyak bergantung kepada warga Nestlé, kerana merekalah warga kerja yang akan memacu perniagaan ke hadapan. Maka, adalah penting bagi Syarikat bukan sahaja untuk menarik bakat-bakat terbaik tetapi juga mengekalkan warga kerja untuk terus bersama kami. Usaha yang dilakukan

termasuk memastikan keselamatan di tempat kerja dan menyediakan peluang kerjaya melalui pelbagai program latihan, serta meneruskan inisiatif untuk mencari dan memupuk bakat-bakat terbaik dari universiti dan agensi-agensi berkaitan seperti TalentCorp Malaysia.

Dalam usaha untuk meningkatkan dan memperkukuhkan budaya kerja, Nestlé Malaysia telah menganjurkan dan menjalankan Program *Leadership & Personal Effectiveness* – LEAD PEP 2.1 – untuk pengurus kanan, termasuk Pengarah Urusan Syarikat, serta ketua bahagian dan pengurus Unit-unit perniagaan.

Dilaksanakan dengan kerjasama para pakar kepimpinan dari *Mount Eliza Executive Education, University of Melbourne* dan *Melbourne Business School*, program ini memberi penekanan kepada topik utama yang penting ke arah memupuk pemimpin yang cemerlang seperti kepimpinan, kesedaran diri, motivasi dan penglibatan pekerja, bimbingan, strategik modal insan, sensitiviti dan kepekaan budaya, pemikiran global dalam kepimpinan, menangani cabaran dan pemasaran yang kompleks dan abstrak.

Program ini melibatkan seramai 170 orang peserta yang dibahagikan kepada tujuh kumpulan. Mereka telah melengkapkan dua daripada tiga modul dan akan diteruskan dengan Modul 3 program ini pada tahun 2015.

Syarikat juga menyedari akan kepentingan pekerja mempraktikkan gaya hidup Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan (NHW), maka Syarikat mempunyai beberapa inisiatif bagi menggalakkan amalan ini.

Nestlé telah menganjurkan program latihan *Nutritional Quotient* (NQ) secara berkala, yang bertujuan melengkapkan kakitangan dengan

sesi pendidikan pemakanan dan mendorong mereka untuk mempraktikkan amalan NQ dalam aktiviti profesional dan kehidupan seharian mereka.

Di samping itu, Nestlé juga turut menganjurkan sesi Hari Kesejahteraan NQ yang menarik dan interaktif di kilang Petaling Jaya, Batu Tiga dan Shah Alam. Sesi penerangan mengenai pemakanan sihat dan demonstrasi masakan sihat adalah antara acara yang diadakan pada hari tersebut.

Syarikat juga mengadakan dan menjalankan pelbagai aktiviti bertemakan kesihatan sepanjang tahun untuk menggalakkan pemakanan sihat dan gaya hidup yang aktif, termasuk menyebarkan tip kesihatan dan kesejahteraan melalui e-mel serta program kecergasan, pemeriksaan kesihatan dan pengurusan tekanan.

Sebagai galakan tambahan kepada pekerja, Nestlé telah bekerjasama dengan *Fitness First* dalam menganjurkan Cabaran *Treadmill* Nestlé, yang bertujuan untuk menggalakkan para kakitangan mengamalkan gaya hidup sihat dan memperkenalkan mereka kepada cara yang menyeronokkan untuk kekal cergas. Cabaran yang pertama seumpamanya bagi Nestlé ini memerlukan para peserta dalam pasukan yang terdiri daripada lima orang, untuk berlari di atas *treadmill* selama 10 minit.

Dengan pelaburan dan tumpuan yang diberikan terhadap warga kerjanya, Nestlé secara amnya diiktiraf sebagai majikan terkemuka dan tempat yang baik untuk membina kerjaya. Ini diperakui dengan penerimaan Anugerah Majikan Siswazah Paling Popular untuk kategori FMCG/Runcit pada Anugerah 100 Majikan Siswazah Terkemuka 2014.

# TENUSU



## MILO



*Sejak tahun 1960an, MILO telah menyokong ramai bakat muda untuk menyerlahkan potensi sukan melalui pelbagai inisiatif akar umbi, termasuk dalam pertandingan futsal tahunan MILO Hidup Bola dan klinik kejurulatihan.*

### **Kempen Sarapan Malaysia**

MILO telah lama menyokong kepentingan bersarapan dan inisiatif ini dilanjutkan ke tahun 2014 dengan Kempen Sarapan MILO. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menekankan kepentingan bersarapan sebagai hidangan utama untuk memulakan hari, serta menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan aktif kepada setiap individu.

Antara acara kemuncak utama kempen ini adalah Hari Sarapan Pagi Malaysia yang diadakan di Dataran Putrajaya pada bulan April, yang menggalakkan rakyat Malaysia untuk datang bersama-sama sebagai sebuah keluarga bagi menikmati sarapan dan mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti fizikal. Acara ini telah dihadiri oleh kira-kira 20,000 orang peserta, di mana seramai 8,169 telah menyertai Larian Hari Sarapan Malaysia yang diadakan serentak.

Satu lagi inisiatif utama adalah penubuhan Skuad Sarapan MILO yang juga dikenali sebagai Skuad Tenaga Positif. Pasukan yang terdiri daripada dua kumpulan penunggang basikal ini disasarkan ke lokasi pejabat; stesen pengangkutan awam dan LRT; dan kedai kopi serta kedai mamak untuk menyebarkan mesej kesihatan dan mengingatkan rakyat Malaysia mengenai kepentingan bersarapan. Secara keseluruhannya, mereka berinteraksi dengan seramai 50,000 rakyat Malaysia di 108 lokasi di Lembah Klang.

### **Kempen Hidup Bola**

Selama beberapa dekad, MILO telah membantu menawarkan nutrisi dan menjana tenaga kanak-kanak di Malaysia agar mereka mampu mempamerkan keupayaan sebagai juara. Di Institut Juara MILO, kami berperanan membantu kanak-kanak menjadi juara masa depan Malaysia dengan mencungkil potensi keupayaan mereka melalui bimbingan dan nasihat untuk membantu mereka membina tubuh yang sihat di samping mempelajari nilai penting dalam kehidupan.

Walaupun MILO telah terlibat dalam pelbagai aktiviti kesukanan, bola sepak merupakan salah satu aktiviti yang paling popular di kalangan murid-murid sekolah. Kejohanan futsal tahunan MILO Hidup Bola telah sekali lagi menjadi acara penting dalam kalender 2014 yang menyaksikan penyertaan ratusan pasukan remaja dalam kategori bawah 12 tahun dan bawah 16 tahun mengambil bahagian dalam 14 pusingan di peringkat Negeri, bersaing untuk merebut tempat ke Pusingan Akhir yang telah diadakan pada 22 Jun di Kuala Lumpur. Klinik kejurulatihan juga diadakan di lokasi terpilih untuk memberi peluang kepada ibu bapa yang mempunyai anak di bawah 10 tahun mempelajari dengan lebih lanjut bagaimana untuk memastikan anak mereka berada di landasan yang betul dengan sukan dan nutrisi.

Pada tahun ini, kategori terbuka baru diperkenalkan untuk pemain lelaki dan wanita berumur 18 tahun dan ke atas, termasuk sistem pencarian bakat untuk memilih 24 pemain yang mempamerkan prestasi terbaik daripada dua belas pasukan teratas semasa Pusingan Akhir. Seterusnya, 12 pemain terpilih ini telah dihantar ke Chonburi, Bangkok untuk menjalani latihan dan mendapat pendedahan bersama Pasukan Futsal Chonburi Bluewave yang merupakan juara Kelab Futsal AFC 2013 dan naib juara pada tahun 2014.

Sebagai tambahan kepada kempen 'MORE CEREAL, MORE LIFE', NESTUM telah menyeronokkan warga Malaysia dengan beberapa acara ZUMBA di mana mereka juga dapat menikmati secawan NESTUM yang lazat selepas melakukan aktiviti yang menyihatkan tersebut.



## NESTUM

NESTUM yang mula diperkenalkan kepada rakyat Malaysia pada tahun 1960an, merupakan sebahagian daripada warisan makanan sihat dan berkhasiat Nestlé. Jenama warisan Nestlé yang sinonim dengan pemakanan dan bijirin beraroma unik ini telah menerokai dunia komunikasi digital untuk menarik pengguna dari kalangan generasi baru.

Seiring dengan era digital dan dunia media sosial, NESTUM telah melancarkan kempen digital 'MORE CEREAL, MORE LIFE' pada bulan Mac 2014. Dengan objektif untuk memacu imej moden jenama bagi menarik minat para remaja, kempen tersebut dicipta untuk menjadikan NESTUM sebagai inspirasi hidup mereka dengan semangat keremajaan dan keriangin. Ia telah berjaya mencapai pertumbuhan ketara dan perkongsian pasaran.

Inisiatif kempen termasuk pengenalan laman mikro mesra mudah alih pertama NESTUM yang berjaya menarik seramai 87,000 pengikut dalam masa dua bulan pertama, dengan lebih daripada 50% terlibat dalam fakta menarik kandungan yang dipaparkan mengenai pensampelan dalam talian NESTUM dan video para *blogger* yang memberi inspirasi.

NESTUM juga beralih daripada tradisi dengan penyiaran video digital melalui YOUTUBE dan FACEBOOK, menampilkan melodi rancak bertajuk 'Live it, Love It', disertai dengan gerakan 'tummy-tapping' untuk menyampaikan mesej kebaikan bijirin. Lebih 2.1 juta tontonan digital diperolehi daripada peminat dari seluruh Malaysia mempamerkan kreativiti mereka melalui penyertaan video digital mereka sendiri untuk menyatakan afiniti mereka dengan jenama tersebut.

Kempen ini telah diperluaskan lagi dengan pelancaran acara ZUMBA yang dimulakan di taman bandar yang melibatkan penyertaan *blogger* muda dan popular di Malaysia seperti Budiey dan Juwei. Untuk terus mencipta keseronokan di acara yang diadakan, sebuah trak NESTUM berwarna oren terang telah berjaya menarik perhatian para pengguna untuk mendapatkan secawan NESTUM yang lazat serta menyertai acara ZUMBA bersama keluarga dan rakan-rakan mereka.

## NESTLÉ OMEGA PLUS



Acara Walk-A-Mile NESTLÉ OMEGA PLUS dan Yayasan Jantung Malaysia berjaya menarik lebih daripada 2,000 orang peserta yang telah berjanji untuk berjalan demi kesihatan jantung masing-masing.

Tahun yang ditinjau menyaksikan NESTLÉ OMEGA PLUS mencatatkan pertumbuhan perkongsian pasaran yang teguh berbanding lepas dalam kategori susu tepung dewasa. Prestasi memberangsangkan dicapai melalui aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kesihatan yang diadakan sempena kempen Hari Jantung Sedunia yang menggalakkan rakyat Malaysia untuk menjaga kesihatan jantung mereka termasuk acara *Walk-A-Mile*, pameran *Win Your Heart* bersama NESTLÉ OMEGA PLUS, pemeriksaan kolesterol dan aktiviti pensampelan.

*Walk-A-Mile* merupakan acara berjalan kaki untuk menyokong jantung sihat di Malaysia yang merupakan anjuran bersama NESTLÉ OMEGA PLUS dan Yayasan Jantung Malaysia. Edisi tahun 2014 telah berjaya menarik lebih daripada 2,000 orang peserta yang terdiri daripada individu dan keluarga yang berjanji untuk berjalan sejauh satu batu (kira-kira 1.5 km) untuk jantung sihat di Taman Tasik Titiwangsa.

Tahun ini, acara dan konsep telah diberi nafas baru dengan menawarkan para peserta pengalaman pendidikan yang lebih interaktif. Ini termasuk memaparkan fakta-fakta menarik dan tips jantung sihat di sepanjang laluan acara dan pengenalan laluan *Family Fun* baru, yang menyediakan stesen-stesen permainan yang bukan sahaja menawarkan pendidikan, tetapi juga menyeronokkan dan menarik untuk seisi keluarga dalam mempelajari lebih lanjut tentang penjagaan jantung mereka.

Di samping itu, para peserta telah diberi pemeriksaan kesihatan secara percuma serta dan dihiburkan dengan persembahan pentas, cabutan bertuah dan sampel percuma NESTLÉ OMEGA PLUS.

# MINUMAN

# MAKANAN



## NESCAFÉ

## MAGGI

NESCAFÉ telah memulakan tahun ini dengan kempen NESCAFÉ Classic “*What are you going to do today?*” untuk menggalakkan rakyat Malaysia memulakan hari mereka dengan kelazatan secawan kopi NESCAFÉ pada waktu pagi – “Segalanya bermula dengan NESCAFÉ”.

Kempen ini meletakkan minuman ini sebagai sumber inspirasi bagi rakyat Malaysia untuk melakukan yang terbaik dalam hari mereka dan membolehkan para pengguna untuk menghubungkaitkan jenama dengan pengalaman mereka sepanjang hari.

Pada bulan April, jenama ini terus mengukuhkan kedudukan pasarannya dengan pelancaran Edisi Terhad NESCAFÉ Classic *Fresh Pick*. Dihasilkan daripada biji kopi yang segar dan terbaik dari bukit-bukau di Vietnam, ia menawarkan cita rasa paling aromatik kepada penggemar kopi NESCAFÉ.

Pada bulan Februari, NESCAFÉ Pop-up Store telah dilancarkan bagi menarik minat untuk mencuba dan meningkatkan pengambilan kopi di kalangan remaja. Terletak berhampiran dengan lokasi tumpuan remaja, gerai yang disediakan turut dilengkapi dengan Wi-Fi percuma, dan amat popular di kalangan pelajar. Sebanyak 110,000 cawan telah disampel sepanjang tahun.

Antara aktiviti-aktiviti lain yang dilaksanakan sepanjang tahun termasuk pembukaan kafe *pop-up* AEON DOLCE GUSTO di AEON Quill City Mall, di mana para pengunjung boleh menikmati secawan kopi ala kafe dengan pantas. Inisiatif seterusnya adalah pelancaran produk inovatif terbaru, NESCAFÉ Latte Caramel yang menarik minat para pengguna muda yang baru mula menikmati rasa kopi. Produk baru ini mencabar persepsi semasa tentang kopi dengan pengenalan kopi tidak pahit pertama di pasaran dan ia telah berjaya menarik pengguna baru (bukan peminum kopi).

MAGGI terus memberikan kepuasan kepada bilangan penggunanya yang kian meningkat dengan penyelesaian kulineri yang lazat lagi mudah bagi hidangan sihat yang dimasak di rumah dan persediaan makanan ringan, lalu mengukuhkan lagi peranannya sebagai rakan inspirasi di dapur.

Perniagaan Makanan mengatasi pertumbuhan kategori secara ketara pada tahun 2014, meningkatkan pasarannya melalui sokongan yang fokus dan konsisten di sebalik perniagaan Mi dan Perencah Memasak terasnya. Usaha bersepadu untuk memperkemaskan dan mewujudkan kecekapan tambahan dalam rangkaian nilai menghasilkan penjimatan operasi lalu mengukuhkan lagi keuntungan operasi.

Jenama MAGGI bertambah kukuh dengan kejayaan penerokaan dalam rangkaian mi premium – *MAGGI Royale Penang Seafood Curry* dan *Korean Spicy Braised Beef*. Pengalaman hidangan yang dipertingkatkan ini mendapat sambutan menggalakkan daripada para pengguna dan melonjakkan rangkaian ini ke kedudukan Nombor Dua di pasaran dalam tempoh kurang daripada setahun. Peningkatan penembusan MAGGI CukupRasa yang mencatatkan pertumbuhan berganda dalam tempoh tiga tahun telah memperluaskan lagi penguasaan jenama tersebut. Bagi Mi, pelancaran *MAGGI Big* perisa Ayam terus memberi kepuasan kepada pengguna utama jenama ini.

Dengan memanfaatkan peningkatan penggunaan media digital oleh pengguna apabila mencari penyelesaian hidangan lazat dan seimbang, MAGGI telah memperhebatkan aktiviti komunikasi dalam talian bagi menyokong pelaburan yang tinggi dalam media tradisional, aktiviti pensampelan, tajaan acara kebudayaan dan promosi nilai pek.

Komitmen MAGGI untuk mempromosi masakan sihat di rumah diteruskan dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti video masakan dari Dapur Masak-Masak MAGGI untuk mengukuhkan afiniti di kalangan tukang masak Malaysia; dan kerjasama berterusan dengan Kementerian Pendidikan dalam pertandingan memasak tahunan Sekolah Menengah MAGGI. Pertandingan yang memasuki tahun ke-18 ini menyaksikan chef pelajar muda dari beberapa buah negeri bersaing dan menimba pengetahuan yang berharga dalam masakan yang berkhasiat lagi lazat.



# NESTLÉ PROFESIONAL

# MINUMAN CECAIR NESTLÉ



Nestlé Profesional berusaha untuk menyediakan pilihan yang lebih sihat untuk rakan kerjasamanya setelah mengetahui bahawa bilangan para pengguna yang mementingkan kesihatan mereka kian meningkat.

Sejajar dengan matlamat syarikat untuk membekalkan penyelesaian Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan (NHW), Nestlé Profesional telah berganding bahu dengan KFC untuk menyediakan produk minuman yang mengujakan iaitu NESTLÉ SJORA yang melengkapkan hidangan kombo “*Bombay Fiery Crunch*” yang diperkenalkan sempena perayaan Deepavali 2014. Minuman tersebut merupakan pilihan alternatif sihat yang diperbuat dengan gabungan jus berperisa mangga dan pic serta susu.

Rangkaian kedai makanan tanpa ditambah MSG (NAMSG) juga sedang berkembang dengan cepat di Malaysia dengan adanya para pengguna yang mencari makanan sihat apabila makan di luar. Oleh itu, Nestlé telah memperkenalkan rangkaian ayam “*bouillon*” MAGGI pada bulan April. Pelancaran ini menerima sambutan baik daripada pihak hotel, institut kesihatan serta restoran servis penuh NAMSG.

Berikutan perancangannya pada bulan Disember 2013, produk pencuci mulut NESTLÉ DOCELLO telah menambat hati 600 chef, pemilik perniagaan dan hotel di Langkawi, Johor Bahru dan Kota Kinabalu. Produk ini diguna secara meluas oleh chef-chef, hotel, restoran, kafe, dan kedai roti termasuklah bankuet Cina untuk menyediakan hidangan pencuci mulut tersendiri.

Pada tahun 2014, perniagaan Minuman Cecair Nestlé mencapai pertumbuhan yang kukuh selama lima tahun berturut-turut dan juga menyaksikan pelancaran dan pelaksanaan beberapa kempen kreatif yang diadakan untuk memuja para pengguna dan meningkatkan jualan.

Kategori Sedia – Diminum MILO memperoleh peningkatan dalam bahagian pasaran disebabkan kempen-kempen kukuh seperti Kempen Sarapan MILO dan MILO Hidup Bola. Diadakan buat kali kedua, Kempen Sarapan MILO yang juga digabungkan dengan acara Larian Sarapan MILO, keduanya bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia meraikan hidangan makanan yang terpenting dan juga penjagaan kesihatan. MILO Hidup Bola pula merupakan salah satu inisiatif yang menggalakkan kanak-kanak untuk membangunkan diri mereka melalui sukan, terutamanya futsal.

NESCAFÉ Cans juga mengalami perubahan dan telah menganjurkan dua kempen kontemporari untuk kekal relevan di kalangan golongan belia dan membezakannya daripada yang lain dalam segmen Sedia-Diminum Malaysia. NESCAFÉ INSPIRE merupakan kempen seni yang bertujuan untuk memberi inspirasi kepada para pengguna menerusi kreativiti dan kebaikan rupa baru jenama; dan NESCAFÉ Cans sekali lagi bekerjasama dengan Shaheizy Sam dan Audi Mok untuk kempen berasaskan muzik NESCAFÉ *on Air*.

Dalam usahanya untuk terus membawa nikmat kepada para pengguna yang setia, Unit Perniagaan ini melancarkan semula NESCAFÉ UHT dengan resipi kopi susu yang lebih kaya dan beraroma, serta rangkaian MILO UHT dengan Activ-Go – gabungan vitamin dan mineral termasuk Vitamin B yang diperlukan untuk pelepasan tenaga efisien. MILO UHT juga mengambil kesempatan untuk mendorong nilai-nilai sukan semasa musim Piala Dunia 2014 dengan mengadakan promosi buat para pengguna di seluruh negara.

# AISKRIM NESTLÉ

# KONFEKSI

*Para pengguna yang menikmati ais krim amat seronok dengan pelancaran Aiskrim Goreng Nestlé. Mudah disediakan, pencuci mulut tradisional ini terdapat dalam dua perisa lazat – coklat dan vanilla.*



Ais Krim Nestlé meneruskan langkah menerokai inovasi pada tahun 2014 dengan produk-produk yang menarik untuk membawa pembaharuan kepada para pengguna ketika menikmati ais krim.

Awal tahun ini menyaksikan pengenalan satu lagi produk inovatif daripada perniagaan Ais Krim iaitu pelancaran Aiskrim Goreng Nestlé yang telah berjaya mendapat sambutan menggalakkan daripada para pengguna.

Produk hangat ini diilhamkan daripada pencuci mulut ais krim goreng tradisional yang mula diperkenalkan di *Chicago World Fair* pada tahun 1893. Snek yang mudah disediakan ini terdapat dalam perisa coklat dan vanilla, dan memberi peluang kepada para pengguna menikmati kelazatan Ais Krim Nestlé. Ia boleh didapati dalam pek berisi enam serta pek catering.

Tahun ini juga menyaksikan tambahan baru rangkaian Nestlé MAT KOOL, jenama ais krim kanak-kanak yang terkemuka di Malaysia. MAT KOOL Popz menampilkan teras berisi perisa coklat dengan butiran gula-gula serta disaluti konfeksi ais berperisa strawberi dan nanas yang menyegarkan.

Gula-gula bersalut coklat yang disaluti konfeksi ais berperisa strawberi dan nanas merupakan satu-satunya produk di pasaran dengan ciri tersebut, lalu menjadikannya pilihan kanak-kanak kerana sensasi rasa 'popnya' dan kini merupakan salah satu produk terlaris dalam rangkaian Ais Krim MAT KOOL.



*Ahli media dalam proses mencipta hidangan pencuci mulut enak semasa sesi bengkel membuat coklat yang diadakan sempena pelancaran Nestlé KIT KAT RUBIES.*

Nestlé sekarang merupakan syarikat coklat nombor satu di Malaysia kerana memperoleh pertumbuhan dua angka yang kukuh pada tahun 2014.

Unit Perniagaan Konfeksi sekali lagi berjaya mengekalkan pertumbuhan dua angka dengan jenama KIT KAT memperoleh bahagian pasaran yang kukuh, lantas menjadi peneraju jenama coklat di Malaysia.

Bagi mengukuhkan lagi kedudukan jenama di pasaran, ia telah melancarkan rangkaian coklat premium, Nestlé KIT KAT Rubies yang diperkenalkan pada bulan Disember. Produk ini dijangka akan memperluaskan lagi pencapaiannya pada tahun 2015 dengan keenakan isian coklat truffle, biskut wafer rangup dan cebisan kacang hazel disaluti coklat susu.

Selain daripada itu, MILO Nuggets juga mencapai kejayaan dan meningkat secara konsisten dalam pertumbuhan bahagian pasaran.

Kejayaan Unit Perniagaan ini juga didorong oleh beberapa aktiviti media dan bukan media yang diadakan sepanjang tahun, dilengkapi dengan aktiviti-aktiviti di dalam kedai yang menarik.

# TENUSU SEJUK

# PEMAKANAN BAYI



Perniagaan Tenusu Sejuk Nestlé menunjukkan pertumbuhan dalam tempoh yang ditinjau dan mengekalkan kedudukan utama dalam kategori yogurt.

Pada tahun ini, Nestlé terus menyajikan kelazatan kepada para pengguna dengan pelancaran siri Edisi Terhad NESTLÉ BLISS dan pengenalan pek keluarga baru untuk yogurt Nestlé ala-Greek.

NESTLÉ BLISS Edisi Terhad Caribbean telah dilancarkan pada bulan November dan merupakan yang pertama dalam siri Edisi Terhad bertemakan destinasi 'Treasures of the World'. Variasi Caribbean yang hanya sedia ada untuk tempoh masa terhad selama tiga bulan, menampilkan reka bentuk pembungkusan yang elegan bagi dua varian. *Varian Pineapple-Coconut* dan *Apple-Banana* dihasilkan menggunakan jus buah-buahan sebenar dan tidak mengandungi sebarang pewarna tiruan. Gabungan *Pineapple-Coconut* dan *Apple-Banana* memberikan pengalaman Caribbean yang lazat dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna.

Sementara itu, yogurt Nestlé ala-Greek terus menjadi pilihan popular di kalangan pengguna yang mementingkan kesihatan, kerana ia mempunyai kultur hidup untuk membantu sistem penghadaman dan merupakan sumber protein dan kalsium. Dengan pengenalan pek keluarga 470g baru, yang terdapat dalam tiga varian sedia ada – Asli, *Strawberry Fields* dan *Peach Harvest*, kini lebih mudah untuk keluarga menikmati produk berkhasiat ini bersama-sama.

Selaras dengan janjinya untuk memupuk generasi lebih sihat, perniagaan Pemakanan Bayi terus melaksanakan inovasi yang membantu memenuhi keperluan kanak-kanak yang semakin meningkat.

Pada tahun 2014, pelbagai jenama dan aset digital di bawah Unit Perniagaan Pemakanan Bayi telah disatukan di bawah Nestlé Junior Club. Nama domain laman web CERELAC ([www.weaning.com.my](http://www.weaning.com.my)) telah dijenamakan semula menjadi [www.nestlejuniorclub.com](http://www.nestlejuniorclub.com) dan kini menempatkan semua jenama pemakanan ibu dan bayi Nestlé, manakala laman Facebook pula telah dinamakan semula sebagai Nestlé Junior Club.

Sebahagian daripada strateginya untuk memperbaiki dan mengubahsuai produk secara berterusan, Nestlé telah memperkenalkan varian baru CERELAC – Nestlé CERELAC dengan Gandum, Madu dan Kurma. Kanak-kanak kini boleh menikmati rasa dan tekstur kurma yang diperkaya dengan BIFIDUS BL, zat besi, zink, vitamin A dan vitamin C yang terkandung dalam semua produk Nestlé CERELAC.

Tahun ini juga menyaksikan pelancaran baru LACTOKID dengan GROW PLUS yang kini mengandungi gabungan 13 vitamin dan mineral seperti vitamin D, vitamin B1, vitamin B2, kalsium dan zink; serta protein untuk menyokong pertumbuhan optimum kanak-kanak.

Selain pelancaran produk, Unit Perniagaan Pemakanan Bayi juga terlibat dengan pengguna melalui kempen kesedaran Alahan NAN HA Grow 3, untuk mendidik ibu bapa tentang alahan kanak-kanak dan langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan risiko alahan, yang seterusnya membawa kepada kualiti kehidupan yang lebih baik. *Allergy Risk Tracker* (ART) Pengesanan Risiko Alahan terdapat di kedai, klinik dan platform digital bagi membolehkan ibu bapa menilai risiko alahan anak-anak mereka sebagai intervensi awal.

# NESTLÉ HEALTH SCIENCE



*Nestlé Health Science* menjana pertumbuhan jualan yang kukuh, didorong oleh pelaburan dalam penglibatan pengguna dan inovasi produk.

Tahun 2014 adalah tahun yang menarik bagi perniagaan *Nestlé Health Science* yang berjaya mencatatkan pertumbuhan dua angka. NUTREN untuk Diabetik, formula disyorkan yang dipercayai secara perubatan terus menyumbang secara positif kepada keseluruhan portfolio perniagaan.

Sebagai respons kepada maklum balas pengguna dan sebahagian daripada pembangunan berterusan produk, *Nestlé Health Science* telah melancarkan NUTREN untuk Diabetik baru. Rumusan baru ini menawarkan profil pemakanan yang dipertingkatkan dan mematuhi keperluan diabetes, tanpa mengabaikan kelazatan rasanya. Untuk mengukuhkan lagi kategori, produk kini juga terdapat dalam format sedia untuk diminum (RTD) untuk membolehkan para pengguna menikmati kelazatan minuman mesra pesakit diabetes ini pada bila-bila masa, di mana jua.

Pelancaran berjaya menjana tarikan melalui saluran farmasi dan menyumbang kepada peningkatan dalam jualan.

*Didorong oleh kepercayaannya iaitu Sajian Kebahagiaan MAGGI terus menyediakan keseronokkan melalui rangkaian mi dan perencah memasak yang dimasak dengan penuh kasih sayang serta memupukkan kebersamaan keluarga di rumah.*



# Menikmati

Menerusi usaha inovasi dan renovasi berterusan, kami dapat menyeronokkan para pengguna kami dengan rangkaian produk enak, berkhasiat dan berkualiti tinggi.



Nestlé

GREEK  
STYLE YOGURT

FAT &  
AMY  
added

NATURAL ASU

Nestlé

GREEK  
STYLE YOGURT

FAT &  
AMY  
added

PEACH HARVEST PIC

Nestlé

GREEK  
STYLE YOGURT

FAT &  
AMY  
added

STRAWBERRY FIELD STRAWBERRY



## **#GoodFoodGoodLife**

Yogurt Nestlé ala-Greek adalah sedap dan menyihatkan oleh kerana dua hidangan dapat memenuhi 24% keperluan protein seorang dewasa.





Nestlé dalam Masyarakat:

# MENJANA NILAI BERSAMA DAN MEMENUHI KOMITMEN KAMI

Menjana Nilai Bersama (CSV) adalah cara kami mengendalikan perniagaan kami. Prinsip ini juga merupakan asas kepada budaya dan nilai kami, serta pendorong prinsip bagi warga kerja kami. CSV dibina atas dasar ini; untuk perniagaan berkembang maju dalam jangka masa panjang, kami perlu mempertimbangkan keperluan para pemegang saham kami, serta komuniti di mana kami beroperasi.



*Sepertimana nilai murni perlu diajar dari kecil lagi, konsep Menjana Nilai Bersama juga perlu dipupuk dari awal. Dengan kepercayaan bahawa kami perlu menjana nilai jangka panjang untuk masyarakat supaya Syarikat berkembang maju, Nestlé komited untuk menepati janji jenamanya secara konsisten dengan menghasilkan hanya yang terbaik buat para pengguna dan menjana peluang yang mampan untuk komuniti-komuniti yang terlibat.*



Pelaksanaan Modul Program  
*Nestlé Healthy Kids* di Malaysia  
Timur memanfaatkan  
sekurang-kurang

**4,500**  
kanak-kanak

Nestlé Malaysia berjaya menanam  
lebih daripada

**290,000**  
anak pokok

di sepanjang sungai Kinabatangan  
di Sabah semenjak pelancaran  
projeknya pada tahun 2011

### Memenuhi Komitmen Kami dalam Tiga Bidang Tertentu

Di Nestlé, kami percaya bahawa untuk Syarikat berkembang maju buat jangka masa panjang, kami perlu memastikan bahawa komuniti di mana kami beroperasi turut menikmati kemakmuran, dan kami mencapai ini dengan memupuk CSV merentasi rangkaian nilai dan operasi dan fokus terhadap tiga bidang yang kami telah kenalpasti sebagai bidang yang teras kepada perniagaan kami dan berpotensi besar untuk penjanaan nilai bersama:

**Pemakanan:** kerana makanan dan pemakanan adalah asas kepada kesihatan, kepakaran dan perniagaan kami – inilah asas kewujudan kami.

**Air dan Alam Sekitar:** kerana kualiti dan ketersediaannya adalah kritikal buat kehidupan, penghasilan makanan dan operasi perniagaan kami. Kekurangannya akan memberi kesan yang ketara terhadap kualiti hidup dan ini adalah satu isu alam sekitar amat penting yang kami alami hari ini.

**Pembangunan Luar Bandar:** kerana kesejahteraan menyeluruh para petani, masyarakat luar bandar, usahawan kecil dan pembekal adalah penting buat kemampanan perniagaan kami.

Bidang-bidang ini adalah asas kepada sasaran menyeluruh perniagaan kami iaitu untuk menjadi syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan (NHW) yang terkemuka dan dipercayai oleh para pemegang berkepentingan. Dengan menggabungkan CSV dalam perniagaan kami, kami mampu menjalankan inisiatif yang mendatangkan hasil yang akan menjana impak jangka masa panjang terhadap masyarakat termasuklah menangani isu-isu kesihatan, gaya hidup tidak aktif, populasi golongan peringkat tua dan kos kesihatan yang sentiasa meningkat; pertanian dan kemiskinan luar bandar; air, tenaga dan pertukaran iklim.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif CSV kami, sila rujuk Laporan Nestlé dalam Masyarakat 2014, yang boleh dimuat turun daripada laman web korporat kami: [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my). Maklumat lanjut mengenai CSV boleh juga didapati daripada [www.nestle.com](http://www.nestle.com).

# MAKLUMAT KORPORAT

## LEMBAGA PENGARAH

### **Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Pengerusi Jawatankuasa Audit  
Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan

### **Dato' Frits Van Dijk**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
Ahli Jawatankuasa Pampasan

### **Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Audit  
Pengerusi Jawatankuasa Pampasan

### **Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

### **Alois Hofbauer**

Pengarah Urusan  
Pengarah Silih Ganti kepada Martin Peter Krügel  
(Dilantik berkuat kuasa dari 1 Oktober 2014)  
Ahli Jawatankuasa Pampasan  
(Dilantik berkuat kuasa dari 24 Februari 2014)

### **Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Audit  
Ahli Jawatankuasa Pampasan

### **Martin Peter Krügel**

Pengarah Eksekutif  
Pengarah Silih Ganti kepada Alois Hofbauer  
(Dilantik berkuat kuasa dari 1 Oktober 2014)

### **Tan Sri Datuk Yong Poh Kon**

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Pencalonan

**JAWATANKUASA AUDIT**

**Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail**  
Pengerusi

**Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad**  
Ahli

**Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim**  
Ahli

**JAWATANKUASA PENCALONAN**

**Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail**  
Pengerusi

**Tan Sri Datuk Yong Poh Kon**  
Ahli

**Dato' Frits Van Dijk**  
Ahli

**JAWATANKUASA PAMPASAN**

**Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad**  
Pengerusi

**Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim**  
Ahli

**Dato' Frits Van Dijk**  
Ahli

**Alois Hofbauer**  
Ahli  
(Dilantik berkuat kuasa dari 24 Februari 2014)

**SETIAUSAHA SYARIKAT**

**Tengku Ida Adura Tengku Ismail**  
(MACS 01686)  
Tel : +603 7965 6000  
Faks : +603 7962 7213  
E-Mel : TengkuldaAdura.Tengkulsmail@  
my.nestle.com

**PEJABAT BERDAFTAR**

22-1, Tingkat 22, Menara Surian  
No.1, Jalan PJU 7/3  
Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : +603 7965 6000  
Faks : +603 7965 6767

**LAMAN WEB SYARIKAT**

[www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)

**PENDAFTAR SAHAM**

**Tricor Investor Services Sdn. Bhd.**  
(118401-V)  
Tingkat 17, The Gardens North Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur  
Tel : +603 2264 3883  
Faks : +603 2282 1886

**JURUAUDIT**

**KPMG** (No. Firma AF 0758)  
Akauntan Bertauliah  
Tingkat 10, Menara KPMG  
8, First Avenue, Bandar Utama  
47800 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : +603 7721 3388  
Faks : +603 7721 3399

**BANK UTAMA**

**HSBC Bank Malaysia Berhad** (127776-V)

**PENYENARAIAH BURSA SAHAM**

Pasaran Utama  
Bursa Malaysia Securities Berhad (635998-W)

# DIREKTORI KORPORAT



## IBU PEJABAT DI MALAYSIA

**Nestlé (Malaysia) Berhad** (110925-W)  
22-1, Tingkat 22, Menara Surian  
No.1, Jalan PJU 7/3  
Mutiara Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603 7965 6000  
Faks : +603 7965 6767

Perkhidmatan Pengguna : 1 800 88 3433

Laman web : [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)

Facebook : <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

## KILANG

### **Petaling Jaya**

#### **Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.**

25, Jalan Tandang  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603 7787 7400

Faks : +603 7787 7599

### **Batu Tiga**

#### **Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Lot 3, Jalan Playar 15/1  
Kawasan Perindustrian Shah Alam  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603 5522 5600

Faks : +603 5510 6263

### **Chembong**

#### **Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Lot 691, Jalan Perusahaan Utama  
Kawasan Perindustrian Chembong  
71300 Rembau  
Negeri Sembilan

Tel : +606 686 3900

Faks : +606 686 4080

### **Kuching**

#### **Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Lot 844, Block 7  
Muara Tebas Land District  
Sejingkat Industrial Park  
93714 Kuching  
Sarawak

Tel : +6082 472 800

Faks : +6082 472 999

### **Pusat Pengedaran Nasional**

#### **Nestlé Products Sdn. Bhd.**

Lot 1, Persiaran Waja  
Kawasan Perindustrian Bukit Raja  
41050 Klang  
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603 3361 7800

Faks : +603 3361 7801

### **Kompleks Shah Alam**

#### **Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Lot 5, Jalan Playar 15/1  
Kawasan Perindustrian Shah Alam  
40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Tel : +603 5522 5600

Faks : +603 5522 5999

### **Chembong (Aiskrim)**

#### **Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Lot 3857 – 3862  
Jalan Perusahaan Utama 4  
Kawasan Perindustrian Chembong  
71300 Rembau  
Negeri Sembilan

Tel : +606 686 3900

Faks : +606 686 4095

### **Kuching (Aiskrim)**

#### **Nestlé Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.**

Lot 915, Block 7  
Muara Tebas Land District  
Sejingkat Industrial Park  
93714 Kuching  
Sarawak

Tel : +6082 472 800


Faks : +6082 472 998

# Berikan Tenaga

Kami tepati janji '*Good Food, Good Life*' kami menerusi rangkaian produk makanan dan minuman yang lazat dan berkhasiat.







## **#GoodFoodGoodLife**

Minuman bertenaga MILO yang sedap dan dipercayai ramai menyediakan vitamin dan mineral yang sesuai untuk badan dan minda.





# LEMBAGA



*Dari kiri ke kanan:*

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon, Dato' Mohd Rafik Bin Shah Mohamad, Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim, Alois Hofbauer, Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail, Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong, Martin Peter Krügel, Dato' Frits Van Dijk, Tengku Ida Adura Tengku Ismail (*Setiausaha Syarikat*)

# PROFIL PARA PENGARAH



## Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Pengerusi Jawatankuasa Audit  
Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan  
Warganegara Malaysia, berusia 63 tahun

**Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail** dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 16 April 2009. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan. Tan Sri mula-mula dilantik sebagai Pengarah Tidak Bebas, Bukan Eksekutif pada 25 Februari 2002, mewakili Lembaga Tabung Haji. Pada 5 November 2004 beliau telah dilantik semula sebagai Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif, apabila Lembaga Tabung Haji tidak lagi menjadi pemegang saham utama Syarikat.



## Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Audit  
Pengerusi Jawatankuasa Pampasan  
Warganegara Malaysia, berusia 64 tahun

**Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad** dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 1 Jun 2007. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa Pampasan.

Dato' merupakan seorang Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Malaysia dan fellow Association of Chartered Certified Accountants, United Kingdom. Beliau juga telah menyertai Program Pembangunan Eksekutif di International



## Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Audit  
Ahli Jawatankuasa Pampasan  
Warganegara Malaysia, berusia 67 tahun

**Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim** dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 17 April 2009. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit serta ahli Jawatankuasa Pampasan.

Tan Sri berkelulusan Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-undang dari Queen's University, Belfast, United Kingdom dan dianugerahkan

Tan Sri dilantik semula sebagai Pengarah Bebas pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-30 yang diadakan pada tahun lepas, setelah berkhidmat kepada Syarikat selama lebih sembilan (9) tahun.

Tan Sri berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Perakaunan dari Macquarie University di Sydney, Australia, setelah memperoleh kelayakan pada tahun 1974. Beliau juga seorang Akauntan Bertauliah dan juga seorang Akauntan Pengamal Bertauliah (Australia).

Tan Sri memulakan kerjayanya di Malaysian Airlines Systems Berhad pada tahun 1975 sebagai seorang

Akauntan Kewangan sebelum berpindah untuk memegang jawatan yang lebih tinggi di pelbagai syarikat. Jawatan beliau yang terakhir ialah sebagai Pengarah Urusan Kumpulan di Amanah Capital Partners Berhad. Tan Sri merupakan mantan Pengerusi Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji. Beliau juga mantan Pengerusi Media Prima Berhad, MRCB Berhad, DRB-Hicom Berhad, EON Bank Berhad, Uni Asia Life Assurance Berhad, Uni Asia General Insurance Berhad, dan Pengerusi Eksekutif di Realmild (M) Sdn. Bhd. dan Radicare (M) Sdn. Bhd. Tan Sri juga pernah menjadi pengarah bebas di Maxis Communications Berhad dan Bangkok Bank Berhad.

Pada masa ini, Tan Sri merupakan Pengerusi Cahya Mata Sarawak Berhad, Lembaga Zakat Selangor, Pulau Indah Ventures Sdn. Bhd. (sebuah syarikat usaha sama antara Khazanah Nasional Berhad dengan Temasek Holdings, Singapura), dan Malakoff Corporation Berhad. Beliau juga merupakan Canselor SEGi University.

Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail telah menghadiri kesemua lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.\*

Institute for Management Development di Lausanne, Switzerland.

Dato' memulakan kerjayanya sebagai seorang Jruanalisis di Esso Malaysia Berhad pada tahun 1973. Beliau menyertai Syarikat pada tahun 1981, dan bersara pada tahun 2006 setelah berkhidmat dengan kumpulan syarikat Nestlé selama 25 tahun, dan selama itu juga, Dato' telah memegang pelbagai jawatan pengurusan yang penting dalam kumpulan syarikat Nestlé, di Malaysia dan juga di luar negara. Dato' pernah menjadi Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif di

Handal Resources Bhd., dan pernah juga memegang jawatan pengarah di Felda Global Ventures Holdings Sdn. Bhd.

Pada masa ini, Dato' merupakan Pengerusi Malaysian AgriFood Corp. Berhad, Cold Chain Network Sdn. Bhd. (anak syarikat Malaysian AgriFood Corp. Berhad) dan Biotropics Malaysia Berhad.

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad telah menghadiri kesemua lima (5)

mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.\*

Ijazah Doktor Kehormat dari universiti yang sama pada tahun 2002. Beliau diterima masuk menganggotai Badan Peguam Malaysia pada 1988.

Tan Sri mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang dalam kedua-dua sektor domestik awam dan swasta, serta persekitaran antarabangsa. Beliau telah berkhidmat sebagai seorang Pensyarah, Timbalan Dekan dan Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Pengurus Besar Sumber Manusia di Malayan Banking Berhad, dan

Penolong Setiausaha Agung untuk Pengurusan Sumber Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York. Tan Sri pernah memegang jawatan Pengarah Eksekutif di Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa, dan pada tahun 2006, beliau dilantik sebagai Naib Canselor wanita pertama di Malaysia yang ditugaskan di Universiti Malaya.

Tan Sri, pada masa ini, merupakan seorang Pengarah di Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Allianz

Malaysia Bhd., Allianz Life Insurance Malaysia Bhd. dan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Bhd., dan Pengerusi Malaysian Genomics Resource Centre Berhad.

Tan Sri Datuk (Dr.) Rafiah Binti Salim telah menghadiri empat (4) daripada lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.\*

# PROFIL PARA PENGARAH



## Dato' Frits Van Dijk

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
Ahli Jawatankuasa Pampasan  
Warganegara Belanda, berusia 67 tahun

**Dato' Frits Van Dijk** dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 26 April 2006 sebagai Pengarah Tidak Bebas, Bukan Eksekutif. Beliau kemudiannya dilantik semula sebagai Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif pada 19 November 2013. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pencalonan serta ahli Jawatankuasa Pampasan.



## Tan Sri Datuk Yong Poh Kon

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli Jawatankuasa Pencalonan  
Warganegara Malaysia, berusia 69 tahun

**Tan Sri Datuk Yong Poh Kon** dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 25 April 2011. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pencalonan.

Tan Sri berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal dari University of Adelaide pada tahun 1968.

Tan Sri pernah berkhidmat sebagai ahli Lembaga



## Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Warganegara Malaysia, berusia 70 tahun

**Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong** dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 28 November 2013.

Beliau berkecualan sebagai seorang doktor perubatan dari University of London pada tahun 1969 dan seorang aktivis sosial yang aktif.

Toh Puan merupakan Pro-Canselor Universiti Malaya, setelah memegang jawatan Pengerusi Pusat Perubatan Universiti Malaya (dulunya dikenali sebagai Hospital Universiti) selama bertahun-tahun sebelum itu. Beliau juga



Dato' berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dari School of Economics, Rotterdam, The Netherlands dan telah menyertai Program Pembangunan Eksekutif di International Institute for Management Development di Lausanne, Switzerland.

Beliau telah berkhidmat dalam kumpulan syarikat Nestlé sejak 41 tahun yang lalu, bermula sebagai Wakil Jualan bersama Nestlé UK pada tahun 1970. Dato' telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam

kumpulan syarikat Nestlé di negara seperti India, Filipina, Sri Lanka, China dan Jepun. Dato' merupakan Ketua Pegawai Operasi dan kemudiannya Ketua Pasaran Syarikat dari tahun 1987 hingga 1995. Beliau juga telah berkhidmat sebagai Ketua Pasaran Nestlé di Jepun, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Waters, serta Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Zon Asia, Oceania, Afrika dan Timur Tengah di Nestlé S.A., Switzerland, sebelum bersara pada penghujung September 2011.

Dato' Frits van Dijk telah menghadiri empat (4) daripada lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.\*

Pengarah di Perbadanan Produktiviti Malaysia, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Beliau juga pernah menjadi ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara Pertama dan Kedua (MAPEN I dan II) serta Pesuruhjaya pengasas di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Dari tahun 2007 hingga 2013, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Bersama PEMUDAH, iaitu "Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan" bersama dengan Ketua Setiausaha Negara. Pada Februari 2009, Tan Sri telah dilantik sebagai ahli Lembaga Penasihat Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia dan pada tahun 2013, beliau dilantik menjadi ahli Majlis Ekonomi di pejabat Perdana Menteri.

Beliau kini merupakan Pengarah Urusan di Royal Selangor International Sdn. Bhd., pengilang dan pengeksport produk piuter, Pengarah di TAHPS Group Berhad, RAM Holdings Berhad serta Presiden Kelab Golf di Raja Selangor. Tan Sri juga Fellow Akademi Sains serta Institut Pengurusan Malaysia. Beliau juga ahli Majlis dan mantan Presiden Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia ("FFM").

Tan Sri Datuk Yong Poh Kon telah menghadiri kesemua lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.\*

Pengerusi Yayasan Institut Jantung Negara, Tabung Amal New Straits Times Press, dan Jawatankuasa Kecil Kebajikan Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri. Toh Puan menamatkan dua (2) penggal sebagai Pengerusi pertama Lembaga Promosi Kesihatan di Kementerian Kesihatan.

Beliau juga merupakan Pengasas Pemegang Amanah bagi Yayasan Penyakit Alzheimer Malaysia dan Yayasan Inisiatif Kajian Kanser, dan juga seorang Pemegang Amanah MERCY Malaysia, Yayasan Tun Abdul Razak, Majlis Kebangsaan Pertubuhan

Wanita, Organisasi Bantuan Wanita dan Dewan Filharmonik Petronas. Toh Puan juga Penaung Cancerlink, Yayasan Arthritis Malaysia, Persatuan Kebangsaan Angin Ahmar Malaysia, Wanita Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Wilayah Persekutuan dan Persatuan Kesihatan Mental Malaysia. Ketika ini, beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Orkestra Filharmonik Malaysia.

Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong telah menghadiri kesemua lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.\*

# PROFIL PARA PENGARAH



## Alois Hofbauer

Pengarah Urusan  
Ahli Jawatankuasa Pampasan  
(Dilantik berkuat kuasa dari 24 Februari 2014)  
Warganegara Austria, berusia 49 tahun

**Alois Hofbauer** dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2013. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pampasan.

Alois Hofbauer berkelulusan dari International Institute for Management Development di Lausanne, Switzerland dan University of Innsbruck, Austria.



## Martin Peter Krügel

Pengarah Eksekutif  
(Bertanggungjawab untuk Kewangan & Kawalan)  
(Dilantik berkuat kuasa dari 1 Oktober 2014)  
Warganegara Jerman, berusia 47 tahun

**Martin Peter Krügel** dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 1 Oktober 2014.

Martin Peter Krügel berkelulusan Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Ekonomi dari University Erlangen, Jerman.

# PROFIL SETIAUSAHA SYARIKAT



## Tengku Ida Adura Tengku Ismail

Setiausaha Syarikat  
Ketua Jabatan Undang-undang dan Kesetiausahaan  
Warganegara Malaysia, berusia 42 tahun

**Tengku Ida Adura Tengku Ismail** dilantik sebagai Setiausaha Syarikat bagi Kumpulan Syarikat pada tahun 2013. Beliau merupakan Setiausaha Syarikat bertauliah, dan ahli Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia. Tengku Ida berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari University of Nottingham, United Kingdom, berkecualan *Barrister-at-Law* dari Persatuan Kehormat

Beliau menyertai kumpulan syarikat Nestlé pada Disember 1990, pada mulanya sebagai Pelatih Jualan dan Pemasaran di Austria. Pada tahun 1995, beliau ditukarkan ke Hong Kong, iaitu tugas pertama antara beberapa tugas di rantau China Besar (“GCR”) selama tempoh 15 tahun. Pada tahun 1998 beliau berpindah ke Tanah Besar China, mula-mula sebagai Pengurus Jualan, kemudiannya sebagai Pengurus Jenama Kumpulan, Kopi dan Minuman, dan akhirnya Pengurus Pembangunan Perniagaan untuk Susu Tepung. Pada tahun 2001, Alois

Hofbauer telah dilantik sebagai Ketua bagi perniagaan Konfeksi untuk GCR, sebelum menerima tugas pengurusan am yang pertama pada tahun 2004 sebagai Pengarah Urusan bagi perniagaan Nestlé Taiwan. Pada tahun 2010, Alois Hofbauer dilantik menjadi Pengarah Urusan Nestlé Sri Lanka, jawatan yang dipegangnya sehingga pelantikan beliau kini sebagai Pengarah Urusan Syarikat.

Pada masa ini, beliau menjadi ahli Majlis Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (“FMM”) dan

Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Amalan Perniagaan Terbaik FMM.

Alois Hofbauer telah menghadiri kesemua lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.\*

Beliau menyertai Nestlé Jerman pada tahun 1995 dan memegang pelbagai jawatan dalam Rantaian Bekalan, Kewangan, Perakaunan dan Pengawasan. Pada tahun 2000, beliau dinaikkan pangkat ke Pengurus Kewangan di Maitre Paul B.V. Belanda, anak syarikat Nestlé. Dari tahun 2004 hingga 2006, beliau merupakan Pengurus Kewangan untuk Cereal Partners Jerman. Pada tahun 2006 beliau telah ditukarkan ke Nestlé Nordics sebagai Pengurus Kewangan, Cereal Partners. Pada tahun 2008, Martin Peter Krügel telah dinaikkan

pangkat menjadi Ketua Kewangan & Kawalan di Nestlé Nigeria, dan di Nestlé Nigeria beliau berperanan sebagai pembantu yang penting dalam keputusan operasi serta perniagaan strategik dan melaksanakan suatu komunikasi yang berstruktur untuk pemegang saham daripada pihak institusi dan individu.

Sejak tarikh pelantikannya, Martin Peter Krügel telah menghadiri satu (1) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.\*

Lincoln’s Inn dan pernah diterima masuk menganggotai Badan Peguam. Beliau memulakan kerjaya beliau dalam firma guaman dan sebelum menyertai Syarikat, Tengku Ida merupakan Pengurus Undang-undang di Kumpulan Guthrie Berhad (kini dikenali sebagai Sime Darby Berhad). Beliau menyertai Syarikat pada tahun 2005 sebagai Penasihat Undang-undang dan pada tahun 2010, beliau diekspatriat ke Nestlé S.A., Switzerland sebagai Penasihat Undang-undang bagi Zon Asia,

Oceania, Afrika, dan Timur Tengah. Sekembalinya beliau ke Malaysia pada tahun 2013, Tengku Ida memegang jawatan Ketua Bahagian Undang-undang dan Kesetiausahaan, yang bertanggungjawab terhadap semua perkara yang melibatkan undang-undang serta kesetiausahaan Kumpulan Syarikat.

Tengku Ida telah menghadiri kesemua lima (5) mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

\* Maklumat tambahan mengenai Lembaga Pengarah:

- (i) **Butiran mengenai apa-apa kepentingan dalam sekuriti**  
Melainkan Dato’ Frits van Dijk yang memegang 8,000 saham biasa Nestlé (Malaysia) Berhad, para Pengarah lain tidak memiliki sebarang saham Nestlé (Malaysia) Berhad.
- (ii) **Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama**  
Tiada seorang pun antara para Pengarah yang mempunyai apa-apa hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah lain dan/atau pemegang saham utama Kumpulan Syarikat.
- (iii) **Konflik Kepentingan**  
Tiada seorang pun antara para Pengarah yang mempunyai apa-apa konflik kepentingan atau kepentingan peribadi dalam apa-apa urusan perniagaan yang melibatkan Kumpulan Syarikat.
- (iv) **Senarai sabitan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu melainkan kesalahan trafik**  
Tiada seorang pun antara para Pengarah yang pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu, melainkan kesalahan trafik, jika ada.





**Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat Nestlé Malaysia yang mengambil bahagian secara aktif dalam bengkel memasak di MAGGI Masak-Masak Studio**



# Kumpulan PENING

*Dari kiri ke kanan:*

- 1 Adnan Pawanteh
- 2 Kumaran Nowuram
- 3 Alois Hofbauer
- 4 Zainun Nur Abdul Rauf



*Dari kiri ke kanan:*

- 5 Uzma Qaiser Butt
- 6 Gavin Schwarzenbach
- 7 Nirmalah Thurai
- 8 Martin Peter Krügel

# PROFIL KUMPULAN PENGURUSAN



01

## 01 Alois Hofbauer

**Pengarah Urusan**

Alois Hofbauer, seorang warganegara Austria, merupakan Pengarah Urusan Nestlé [Malaysia] Berhad dan Ketua Rantau Nestlé Malaysia/Singapura. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 22 Februari 2013. Seorang graduan Sekolah Perniagaan Switzerland IMD dan Universiti Innsbruck, Austria, kerjaya Alois Hofbauer bersama Nestlé bermula lebih 20 tahun lalu apabila beliau menyertai Nestlé Austria sebagai Pelatih Jualan dan Pemasaran. Beliau mempunyai rekod kepimpinan yang kukuh dalam pengurusan negara dan mempunyai pemahaman yang mendalam tentang perniagaan di Asia. Sepanjang 20 tahun, beliau telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di rantau ini sebelum menjadi Pengarah Urusan Nestlé Taiwan pada tahun 2004 dan seterusnya sebagai Pengarah Urusan Nestlé Sri Lanka pada tahun 2010.



02

## 02 Martin Peter Krügel

**Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan (bermula 1 Oktober 2014)**

Martin Krügel, seorang warganegara Jerman, menggantikan Marc Seiler sebagai Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan berkuatkuasa 1 Oktober 2014. Kerjaya beliau bersama Nestlé bermula pada tahun 1995 di Nestlé Jerman di mana beliau memegang pelbagai jawatan dalam bidang Rangkaian Bekalan, Kewangan, Perakaunan dan Pengawalan, beliau seterusnya dipindahkan ke Nordics pada tahun 2006 di mana beliau menyandang jawatan bagi Pengurus Kewangan bagi Cereal Partners. Pada tahun 2008, Martin Peter Krügel kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Kewangan & Kawalan di Nestlé Nigeria, jawatan tersebut dipegangnya sehingga akhir September 2014.



03

## 03 Gavin Schwarzenbach

**Pengarah Eksekutif, Rangkaian Bekalan (bermula 2 Jun 2014)**

Gavin Schwarzenbach menggantikan Patrick Hartless sebagai Pengarah Eksekutif, Rangkaian Bekalan berkuatkuasa 2 Jun 2014. Kerjaya beliau bersama Nestlé bermula pada tahun 1987 apabila beliau menyertai Nestlé United Kingdom dalam bahagian Penyelidikan Operasi. Beliau kemudian memulakan kerjaya di luar negara pada tahun 1994. Beliau merupakan Pengarah Rangkaian Bekalan di Nestlé Denmark dari tahun 2001 hingga tahun 2004, selepas itu beliau telah dilantik sebagai Ketua Rangkaian Bekalan bagi Perniagaan Pemakanan di Eropah. Gavin Schwarzenbach kemudian berpindah ke Nestlé Amerika Syarikat pada tahun 2009 sebagai Ketua Rangkaian Bekalan bagi Pemakanan di Amerika Utara dan kemudian ke Nestlé S.A. pada tahun 2012 sebagai Ketua Rangkaian Bekalan untuk Perniagaan Pemakanan Global, di mana beliau telah memegang jawatan tersebut sehingga hujung bulan Mei 2014.



04

## 04 Adnan Pawanteh

**Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran**

Adnan Pawanteh adalah Pengarah Eksekutif, Teknikal & Pengeluaran. Pemegang ijazah Kejuruteraan dan MBA dalam Pengurusan, beliau memulakan kerjayanya di Nestlé Malaysia sebagai Jurutera Pelatih pada tahun 1984 dan selama 17 tahun berikutnya, beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam bidang teknikal. Beliau ditugaskan ke Nestlé Australia pada tahun 2001 di mana beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Prestasi Industri dan Pengurus Pengeluaran sebelum kembali ke Malaysia pada tahun 2002 sebagai Pengurus Kilang Kompleks Nestlé Shah Alam. Pada tahun 2010, Adnan telah dipindahkan ke Nestlé Turki sebagai Pengarah Teknikal, sehingga akhir Mei 2012.



## Kumaran Nowuram 05

**Pengarah Eksekutif, Jualan**

Kumaran Nowuram telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Jualan pada 1 Ogos 2013. Beliau memulakan kerjayanya dengan Syarikat pada tahun 1994 sebagai Pelatih Pengurusan. Pada tahun 2002 beliau menyandang jawatan sebagai Pengurus Jenama Kumpulan untuk Perniagaan Tenuku. Pada tahun 2003, Kumaran telah dihantar ke Nestlé Timur Tengah untuk mengetuai Perniagaan Tenuku bagi rantau Timur Tengah yang berpangkalan di Dubai. Pada tahun 2009, Kumaran diberi tanggungjawab sebagai Pengarah Eksekutif Perniagaan [Tenuku] yang berpangkalan di India, sebelum menjadi Pengarah Eksekutif, Jualan Syarikat. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial [Ekonomi] dari Universiti Sains Malaysia dan juga telah mengikuti Program Pembangunan Eksekutif di Institut Antarabangsa untuk Pembangunan Pengurusan [IMD] di Lausanne, Switzerland.

## Zainun Nur Abdul Rauf 06

**Pengarah Eksekutif, Hal Ehwal Korporat Kumpulan**

Zainun Nur merupakan Pengarah Eksekutif, Hal Ehwal Korporat Kumpulan Syarikat. Pada tahun 1998 beliau mula berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengurus Jenama Kumpulan untuk Bijirin Sarapan Nestlé. Beliau kemudiannya berpindah ke unit perniagaan Perkhidmatan Makanan [kini dikenali sebagai Nestlé Profesional], diikuti dengan tugas di Bahagian Khidmat Pengguna. Pada tahun 2005, beliau berpindah semula ke Nestlé Profesional sebagai Pengurus Perniagaan Negara untuk Malaysia dan Singapura yang menguruskan pasaran makanan luar rumah dan minuman. Zainun Nur memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Institute of Marketing, United Kingdom.



05



06

## Nirmalah Thurai 07

**Pengurus Perniagaan Negara, Cereal Partners Malaysia**

Nirmalah Thurai merupakan Pengurus Perniagaan Negara, Cereal Partners Malaysia sejak tahun 2006. Beliau menyertai Syarikat pada tahun 1981 sebagai Eksekutif Penyelidikan Pasaran. Beliau kemudiannya berpindah ke Nestlé United Kingdom dari tahun 1987 ke 1988 sebelum kembali ke Malaysia sebagai Eksekutif Produk. Nirmalah memegang pelbagai jawatan pengurusan dalam tempoh 12 tahun seterusnya dalam Perniagaan Makanan sebelum dilantik sebagai Pengurus Unit Tenuku Sejuk pada tahun 2000. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Sains Malaysia.

## Uzma Qaiser Butt 08

**Pengarah Eksekutif, Kumpulan Sumber Manusia**

Uzma Qaiser Butt adalah Pengarah Eksekutif, Kumpulan Sumber Manusia Malaysia/Singapura sejak 1 Julai 2013. Uzma memulakan kerjayanya dengan Nestlé Pakistan pada tahun 2001 dan menjadi Pengarah Sumber Manusia Nestlé Pakistan pada 2005, beliau seterusnya dihantar ke Nestlé S.A. pada tahun 2010. Sebelum Nestlé Malaysia, beliau merupakan Pengurus Operasi Sumber Manusia di Nestlé S.A., Switzerland. Uzma memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Lahore University of Management Sciences dan Ijazah daripada Kinnaird College, Pakistan.



07



08

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA **Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-31 (Tiga Puluh Satu)** akan diadakan di **Ballroom B & C, Hilton Kuala Lumpur, 3 Jalan Stesen Sentral, 50470 Kuala Lumpur** pada hari **Khamis, 23 April 2015 jam 10.00 pagi** untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

## AGENDA

### Sebagai Urusan Biasa

1. Untuk menerima penyata kewangan berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 beserta Laporan Pengarah dan Juruaudit yang dilampirkan.  
**Resolusi 1**
2. Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 175 sen sesaham, di bawah sistem satu peringkat, yang berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.  
**Resolusi 2**
3. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM810,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (2013: RM737,452).  
**Resolusi 3**

4. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang akan bersara mengikut Tataurusan Syarikat.  
**4.1 Di bawah Artikel 90.1**
  - (i) Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad  
**Resolusi 4**
  - (ii) Tan Sri Datuk Yong Poh Kon  
**Resolusi 5****4.2 Di bawah Artikel 97**  
Martin Peter Krügel  
**Resolusi 6**  
*Sila rujuk Nota Keterangan 1*
5. Untuk melantik semula Tetuan KPMG (No. Firma AF 0758) sebagai juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.  
**Resolusi 7**  
*Sila rujuk Nota Keterangan 2*

### Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan resolusi-resolusi berikut sebagai Resolusi Biasa:

6. **Pelantikan semula Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong sebagai seorang pengarah menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat 1965.**  
"BAHAWA Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong yang berusia lebih daripada 70 tahun dan akan bersara mengikut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965, dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat dan untuk memegang jawatan tersebut sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya."  
**Resolusi 8**  
*Sila rujuk Nota Keterangan 3*

7. **Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang bersifat Hasil atau Perdagangan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 2.3(a) Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 1 April 2015.**

“Bahawa mandat yang diberikan oleh pemegang saham Syarikat pada 24 April 2014 menurut perenggan 10.09 Keperluan Penyenaaraan Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menjalankan urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat hasil atau perdagangan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 2.3(a) Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 1 April 2015 dengan pihak yang berkaitan seperti yang disebut yang perlu, bagi operasi harian Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya dan urus niaga tersebut dijalankan mengikut perjalanan urus niaga biasa atas terma-terma yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan tersebut berbanding dengan yang lazimnya ditawarkan kepada umum serta tidak menjejaskan pemegang saham minoriti Syarikat, dengan ini diperbaharui.

Bahawa kuasa yang diberikan oleh mandat tersebut akan berkuat kuasa sebaik sahaja resolusi ini diluluskan dan akan terus berkuat kuasa sehingga:-

- (i) berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) Syarikat yang berikutnya, selepas AGM yang akan datang ini yang telah meluluskan mandat tersebut, yang pada ketika itu ia akan

luput, melainkan jika mandat itu diperbaharui melalui resolusi yang diluluskan pada AGM yang berikutnya;

- (ii) tamatnya tempoh AGM berikutnya yang perlu diadakan selepas AGM yang akan datang ini menurut Seksyen 143(1) Akta Syarikat, 1965 (tetapi tidak dilanjutkan sehingga tempoh lanjutan yang dibenarkan menurut Seksyen 143(2) Akta Syarikat, 1965); atau
- (iii) dibatalkan atau dipinda melalui resolusi yang diluluskan oleh para pemegang saham di dalam suatu mesyuarat agung;

yang mana terdahulu;

Bahawa para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk menyempurnakan dan melaksanakan segala tindakan dan perkara (termasuk menandatangani segala dokumen yang diperlukan) untuk melaksanakan urus niaga yang dicadangkan dan/atau dibenarkan oleh resolusi ini.” **Resolusi 9**  
*Sila rujuk Nota Keterangan 4*

8. **Pengekalan Pengarah Bebas**

“BAHAWA Tan Sri Dato’ Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail dengan ini dikekalkan sebagai Pengarah Bebas Syarikat sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya, mengikut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012.”

**Resolusi 10**

*Sila rujuk Nota Keterangan 5*

9. Untuk melaksanakan apa-apa urusan lain yang notis sewajarnya telah diberikan.

**DENGAN INI TURUT**

**DIMAKLUMKAN BAHAWA**, tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-31 (Tiga Puluh Satu), dividen akhir sebanyak 175 sen sesaham, di bawah sistem satu peringkat yang berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 akan dibayar kepada para pemegang saham pada 27 Mei 2015. Tarikh kelayakan untuk dividen tersebut adalah pada 13 Mei 2015.

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN JUGA**

**BAHAWA** pendeposit layak untuk menerima dividen hanya bagi:

- A.** Saham yang dipindahkan ke dalam Akaun Sekuriti Pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 13 Mei 2015 bagi pindahan biasa; dan
- B.** Saham yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

MENURUT PERINTAH LEMBAGA

**TENGGU IDA ADURA TENGGU ISMAIL**

Setiausaha Syarikat  
(MACS 01686)

Petaling Jaya  
1 April 2015

**NOTA:**

- (i) Ahli Syarikat yang layak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat berhak untuk melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi boleh, tetapi tidak semestinya, ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965, tidak terpakai kepada Syarikat.
- (ii) Surat cara pelantikan proksi mestilah dibuat secara bertulis di bawah tandatangan pelantik atau wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau sekiranya pelantik merupakan sebuah perbadanan, sama ada dimeterai dengan mohor rasminya atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa sedemikian.
- (iii) Sekiranya ahli Syarikat merupakan penama diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat kekal sebagai kredit di dalam Akaun Sekuriti tersebut. Sekiranya ahli Syarikat merupakan penama diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang saham biasa Syarikat untuk beberapa pemilik benefisial dalam satu (1) akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tiada had ditetapkan untuk bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa yang dikecualikan tersebut bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya.  
Sekiranya penama diberi kuasa melantik dua (2) proksi, atau sekiranya penama diberi kuasa yang dikecualikan melantik dua (2) atau lebih proksi, nisbah pemegang saham yang akan diwakili oleh setiap proksi hendaklah dinyatakan dalam surat cara pelantikan proksi.
- (iv) Penama diberi kuasa atau penama diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang lebih daripada satu (1) akaun sekuriti mestilah menyerahkan surat cara proksi yang berasingan bagi setiap akaun sekuriti.
- (v) Surat cara pelantikan proksi dan surat kuasa wakil atau kuasa lain (jika ada) yang telah ditandatangani atau salinan surat kuasa berkenaan yang disahkan secara notari hendaklah diserahkan di pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor Services Sdn. Bhd. (No. Syarikat 118401-V), di Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mesyuarat itu atau sebarang penangguhannya yang pihak seperti yang dinamakan di dalam surat cara bercadang untuk mengundi, atau dalam kes membuang undi, tidak kurang daripada 24 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat undian, dan jika ingkar, surat cara proksi akan dianggap tidak sah.
- (vi) Berkenaan dengan sekuriti telah-deposit, hanya ahli yang namanya tertera di dalam Rekod Pendeposit pada 15 April 2015 layak untuk menghadiri, bercakap dan mengundi di mesyuarat agung.

**Nota Keterangan untuk Urusan Biasa:-****1. Pemilihan Semula Pengarah yang Bersara**

Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad, Tan Sri Datuk Yong Poh Kon dan Martin Peter Krügel bersedia untuk pemilihan semula Pengarah Syarikat dan oleh sebab layak, menawarkan diri untuk pemilihan semula.

**2. Pelantikan Semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat**

Pada mesyuarat yang telah diadakan pada 23 Februari 2015, Lembaga telah meluluskan cadangan Jawatankuasa Audit untuk melantik semula KPMG sebagai juruaudit Syarikat. Lembaga dan Jawatankuasa Audit secara kolektif bersetuju bahawa KPMG telah memenuhi kriteria berkaitan yang ditetapkan oleh Perenggan 15.21 Keperluan Penyenaiaan Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

**Nota Keterangan untuk Urusan Khas:-****3. Pelantikan semula Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong**

Resolusi Biasa yang dicadangkan di bawah perkara 6, adalah untuk meminta kelulusan daripada pemegang saham untuk melantik semula Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong, seorang pengarah yang berusia lebih daripada 70 tahun dan akan bersara mengikut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965. Pengesyoran bagi pelantikan semula Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong disokong oleh kelayakan perubatan profesional beliau yang amat penting bagi Syarikat dalam memenuhi matlamatnya untuk meletakkan Syarikat sebagai syarikat pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan utama di Malaysia. Penglibatan beliau secara aktif dalam organisasi bukan kerajaan dan amal akan amat menyumbang kepada aktiviti tanggungjawab sosial korporat (yang dikenali sebagai menjana nilai bersama) melalui pengalaman serta urusan beliau dengan organisasi tersebut.

**4. Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan**

Resolusi yang dicadangkan adalah untuk meminta pembaharuan kepada mandat yang diberikan oleh pemegang saham bagi membenarkan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menjalankan urus niaga berulang pihak berkaitan yang bersifat hasil atau perdagangan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 1 April 2015 yang disertakan bersama Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

**5. Pengekalan Pengarah Bebas**

Resolusi yang dicadangkan adalah untuk meminta kelulusan daripada pemegang saham untuk mengekalkan Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol Anwar Jamalullail sebagai Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif. Beliau telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif sejak 5 November 2004 untuk tempoh kumulatif lebih daripada sembilan (9) tahun dan Tan Sri telah berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah sejak lima (5) tahun yang lalu dari 16 April 2009. Jawatankuasa Pencalonan telah membuat penilaian yang diperlukan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah agar beliau dikekalkan sebagai Pengarah Bebas Syarikat berdasarkan kemampuan beliau untuk memahami urus niaga Syarikat dengan baik, persekitaran operasi Syarikat, cabaran kepada Syarikat dan sumbangan beliau terhadap pembangunan strategi dan hala tuju Syarikat. Tan Sri telah memastikan semak dan imbang dalam perjalanan mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Beliau juga telah menumpukan masa yang mencukupi, perhatian dan komited terhadap tanggungjawabnya dan dalam melaksanakan fungsi serta kewajipan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan. Cadangan resolusi ini adalah selari dengan cadangan di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 dan ini akan membenarkan beliau untuk terus berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit, menurut peruntukan Perenggan 15.10 Keperluan Penyenaiaan Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

# BORANG PROKSI

**Nestlé (Malaysia) Berhad** (110925-W) (Ditubuhkan di Malaysia)

Jumlah Saham dipegang	
No. Akaun CDS	

Saya/Kami, \_\_\_\_\_ No KP: \_\_\_\_\_ (Baharu) \_\_\_\_\_ (Lama)  
dari \_\_\_\_\_

sebagai ahli Nestlé (Malaysia) Berhad, dengan ini melantik \*Pengerusi mesyuarat atau \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ No KP: \_\_\_\_\_ (Baharu) \_\_\_\_\_ (Lama)  
dari \_\_\_\_\_

atau sekiranya beliau tidak hadir, \_\_\_\_\_

No KP: \_\_\_\_\_ (Baharu) \_\_\_\_\_ (Lama) dari \_\_\_\_\_

sebagai proksi saya/kami untuk mengundi untuk saya/kami bagi pihak saya/kami pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke-31 (Tiga Puluh Satu) yang akan diadakan di **Ballroom B & C, Hilton Kuala Lumpur, 3 Jalan Stesen Sentral, 50470 Kuala Lumpur**, pada hari **Khamis, 23 April 2015 jam 10.00 pagi** dan pada mana-mana penangguhannya.

*\* Potong jika tidak berkenaan*

Proksi saya/kami hendaklah mengundi sebagaimana yang ditunjukkan dengan "X" di bawah. Sekiranya tiada arahan khusus diberikan, proksi akan mengundi atau tidak mengundi mengikut budi bicaranya.

No.	Resolusi	Menyokong	Menentang
1.	Untuk menerima penyata kewangan berkanun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 beserta laporan Pengarah dan Juruaudit yang dilampirkan.		
2.	Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 175 sen sesaham, di bawah sistem satu peringkat, yang berkenaan dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.		
3.	Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM810,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (2013: RM737,452).		
4.	Untuk memilih semula Dato' Mohd. Rafik Bin Shah Mohamad sebagai Pengarah Syarikat.		
5.	Untuk memilih semula Tan Sri Datuk Yong Poh Kon sebagai Pengarah Syarikat.		
6.	Untuk memilih semula Martin Peter Krügel sebagai Pengarah Syarikat.		
7.	Untuk melantik semula Tetuan KPMG (No. Firma AF0758) sebagai juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.		
8.	Untuk melantik semula Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong sebagai Pengarah Syarikat.		
9.	Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham bagi Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang bersifat Hasil atau Perdagangan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 2.3(a) Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 1 April 2015.		
10.	Pengekalan Pengarah Bebas.		

Bertarikh pada \_\_\_\_\_ hari bulan \_\_\_\_\_ 2015

Disaksikan oleh : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Cop Syarikat : \_\_\_\_\_

Pekerjaan : \_\_\_\_\_

Tandatangan Pemegang Saham atau Cop Mohor

**Nota:**

- (i) Ahli Syarikat yang layak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat berhak untuk melantik seorang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Proksi boleh, tetapi tidak semestinya, ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965, tidak terpakai kepada Syarikat.
- (ii) Surat cara pelantikan proksi mestilah dibuat secara bertulis di bawah tandatangan pelantik atau wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau sekiranya pelantik merupakan sebuah perbadanan, sama ada dimeterai dengan mohor rasminya atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa sedemikian.
- (iii) Sekiranya ahli Syarikat merupakan penama diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya dengan saham biasa Syarikat kekal sebagai kredit di dalam Akaun Sekuriti tersebut. Sekiranya ahli Syarikat merupakan penama diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang saham biasa Syarikat untuk beberapa pemilik benefisial dalam satu (1) akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tiada had ditetapkan untuk bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa yang dikecualikan tersebut bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya. Sekiranya penama diberi kuasa melantik dua (2) proksi, atau sekiranya penama diberi kuasa yang dikecualikan melantik dua (2) atau lebih proksi, nisbah pemegangan saham yang akan diwakili oleh setiap proksi hendaklah dinyatakan dalam surat cara pelantikan proksi.
- (iv) Penama diberi kuasa atau penama diberi kuasa yang dikecualikan, yang memegang lebih daripada satu (1) akaun sekuriti mestilah menyerahkan surat cara proksi yang berasingan bagi setiap akaun sekuriti.
- (v) Surat cara pelantikan proksi dan surat kuasa wakil atau kuasa lain (jika ada) yang telah ditandatangani atau salinan surat kuasa berkenaan yang disahkan secara notari hendaklah diserahkan di pejabat Pendaftar Saham Syarikat, Tricor Investor Services Sdn. Bhd. (No. Syarikat 118401-V), di Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mesyuarat itu atau sebarang penangguhannya yang pihak seperti yang dinamakan di dalam surat cara bercadang untuk mengundi, atau dalam kes membuang undi, tidak kurang daripada 24 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat undian, dan jika ingkar, surat cara proksi akan dianggap tidak sah.
- (vi) Berkenaan dengan sekuriti telah-deposit, hanya ahli yang namanya tertera di dalam Rekod Pendeposit pada 15 April 2015 layak untuk menghadiri, bercakap dan mengundi di mesyuarat agung.

*Sila lipat di sini*

Lekatkan  
setem

Tricor Investor Services Sdn. Bhd. (No. Syarikat 118401-V)  
Tingkat 17, The Gardens North Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur

Tel: (03) 2264 3883 Faks: (03) 2282 1886

*Sila lipat di sini*

# BUTIRAN MAKLUMAT Nestlé

---

Laman web kami : <http://www.nestle.com.my>  
Laman Facebook kami : <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>  
Talian Percuma Khidmat : 1-800-88-3433  
Peguna Nestlé : 03-7965 6767  
Faks : Khidmat Peguna Nestlé,  
Alamat : 22-1, Tingkat 22, Menara Surian,  
No. 1, Jalan PJU 7/3,  
Mutiara Damansara,  
47810 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

**Nestlé (Malaysia) Berhad** (110925-W)

22-1, Tingkat 22, Menara Surian

No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Tel: +603 7965 6000

Faks: +603 7965 6767

Talian Percuma Khidmat Pelanggan Nestlé: 1-800-88-3433

Facebook: <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

**[www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)**